



Khutbah Jumaat 1 Dis. 2023M / 17 Jamadal Ula 1444H: "Tanggungjawab memelihara agama"
Jabatan Agama Islam Selangor


MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK :

TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA AGAMA



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA AGAMA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا كَانَ قَوْلُ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ
لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١

2

أَشْهُدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَن مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَفَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَفَوِّنَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ٢٦

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

5

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA AGAMA.**"

6

¹ Al-Nur : 51.



Tanggungjawab memelihara agama merupakan suatu kewajipan atau tugas seseorang Muslim untuk menjaga, memahami, dan mengamalkan ajaran agamanya.	7
Menurut Imam al-Syatibi, maksud menjaga agama adalah “Memperkasakan rukun-rukun agama Islam serta hukum-hukumnya yang ada”. Tanggungjawab ini mencakupi beberapa aspek penting termasuklah dalam hal kehidupan, kemasyarakatan, kenegaraan, undang-undang, ekonomi (muamalah), sosial dan sebagainya. Ini kerana, <i>Hifz ad-Din</i> (حفظ الدين) merupakan konsep memelihara agama Islam daripada sebarang ancaman dan tekanan. Ia selari dengan prinsip Maqasid Syariah yang dianjurkan oleh Islam dengan keutamaan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda, bagi menjamin kehidupan di dunia dan di akhirat.	8
Kejayaan hidup di dunia merupakan jambatan menuju akhirat yang kekal abadi. Kebahagiaan di dunia merupakan asas lahirnya generasi yang bertakwa mewarisi kecermerlangan umat manusia. Namun begitu, anugerah ini tidak diberikan kepada mereka yang sentiasa mengabaikan syariat dan agama Allah.	9
Bagi kita yang mengaku Muslim, apakah tanggungjawab kita menjaga agama? Menjaga agama merupakan suatu tanggungjawab yang besar bukan hanya sekadar dengan kata-kata dan ucapan yang berdegar-degar namun ia memerlukan komitmen dan tindakan yang lebih jitu. Agama perlu dipelihara agar kekal utuh dan diamalkan sepanjang masa dan zaman.	10



Umat Islam perlu bangkit istiqamah melakukan beberapa perkara agar agama terus dijulang dan dimartabatkan. Antaranya:

1. Menjunjung perintah dan amalan yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan yakin dan menjadikan akidah sebagai satu pegangan yang diyakini dan muktamad berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menolak dua sumber asas itu, maka terkeluarlah daripada kepercayaan-kepercayaan dan keyakinan amalan, pemikiran serta ideologi dan falsafah-falsafah moden tentang kehidupan di dunia dan kehidupan selepas mati yang bertentangan dan menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Ini dapat dilihat terdapat pelbagai aspek penyebab berlakunya penyelewengan akidah umat yang boleh membawa kepada kekufuran, kejahilan, menggunakan akal secara mutlak, kecenderungan kepada dunia, mencari pengaruh dan pengikut adalah faktor yang membawa kepada penyelewengan akidah. Impak dan kesannya sangat besar dan merbahaya kepada agama dan umat jika ianya dibiarkan terus berlaku dan gagal dikekang.

11

Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 19:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

12

“Sesungguhnya agama (yang benar dan direrai) di sisi Allah ialah Islam.”



2. Memperkasakan pentadbiran dan pelaksanaan hukum syarak. Ini bermakna, umat Islam mesti mengangkat, menghormati, dan memperkuuhkan hukum Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia merangkumi pengembangan, pemahaman, penerimaan, dan implementasi prinsip-prinsip syariat dalam segala bidang, termasuk dalam bidang hukum-hakam, ekonomi, sosial, dan budaya. Beberapa langkah pro-aktif dapat dilakukan demi memartabatkan syariat Islam dengan memperkasakan undang-undang dan Institusi keagamaan demi memartabatkan agama dan umat Islam.

13

Di samping itu, pengemaskinian enakmen dan sistem tadbir urus perundungan Islam bagi memastikan amalannya kekal relevan dilaksanakan pada setiap masa dan zaman. Ini kerana, penetapan dan pengukuhan hukum syariah bermatlamat menyeru manusia berada di bawah lindungan hukum yang adil dan saksama. Oleh itu, mengambil hukum berdasarkan kepada hawa nafsu dan keinginan manusia semata-mata tanpa petunjuk wahyu adalah ditolak oleh Islam. Hakikat dan faktanya, pelaksanaan syariat Islam secara menyeluruh akan memberi naungan dan keadilan serta keselamatan kepada umat Islam dan bukan Islam. Secara tidak langsung, melalui pemerkasaan syariah, masyarakat mendapat manfaat daripada program dan aktiviti bersifat rohani dan keagamaan.

14

3. Komitmen dan usaha untuk menyebarluaskan syiar Islam. Allah SWT telah memberi jaminan untuk memelihara agama Islam dari sebarang bentuk pengubahan dan memelihara agamanya dengan syiar-syiar yang ditonjolkan kepada umat Islam. Ia amalan yang diwarisi oleh umat semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari ini secara praktikal. Hakikatnya, syiar Islam perlu dizahirkan dan disebarluaskan di mana sahaja kita berada. Terdapat hikmah dan pengajaran dalam menyebarluaskan syiar Islam agar kebenarannya dapat dizahirkan dan diamalkan oleh masyarakat. Disamping itu, dalam memperkembangkan syiar Islam kita juga perlu menunjukkan sikap *al-Tasamuh* (toleransi) antara penganut agama lain bagi mengelakkan sebarang konflik dengan menghayati roh ajaran al-

15



Quran dalam menjalinkan hubungan dengan golongan bukan Islam. Antaranya melaksanakan keadilan dan menunaikan janji serta menjamin perlindungan dan keamanan kepada mereka.

4. Perintah agar saling mengajak kepada melakukan perkara-perkara yang makruf dan saling mencegah daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar

16

sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْبِلُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّرَ حَمْهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

17

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

18

Usaha dan tanggungjawab mengajak kepada melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah suatu tugas dan amanah yang sangat besar. Ia tidak mampu untuk dilaksanakan secara individu sebaliknya ia menjadi tanggungjawab bersama. Tujuannya adalah untuk mencapai tujuan syarak iaitu memelihara agama, akal, nyawa, harta dan keturunan. Mencegah kemungkaran, kemudaratan dan menghalang kemaksiatan daripada berlaku dalam masyarakat adalah suatu tuntutan,

19



sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri Radiallahuanhu bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

20
مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ

“Barangsiapa antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman.”

21

(Riwayat Muslim).

Bagi merealisasikan agama Islam dipelihara daripada ancaman dalaman maupun luaran, tuntut dan kajilah ilmu agama dan mempertahankannya daripada diperkotak-katikkan. Jangan sesekali kita menjadi seperti lalang, goyah tidak berprinsip apabila menyatakan kebenaran wahyu dan hal-hal yang melibatkan kesucian dan kemuliaan agama. Dalam satu hadis Rasulullah telah menyatakan kepada kita dengan khabar yang pasti benar bahawa sebahagian umat ini pasti akan mengikuti jejak orang-orang terdahulu dari umat lain.

22

Hadis mengenai hal ini merupakan hadis saih yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

23
لَتَتَّبِعُنَّ سَنَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ شِبْرًا بِشِبْرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ حَتَّىٰ لَوْ دَخَلُوا فِي جُحْرٍ ضَبٍّ لَا تَبْعَثُمُوهُمْ". قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلْهُمْ وَالنَّصَارَىٰ قَالَ "فَمَنْ



"Dan pasti kalian akan mengikuti orang-orang sebelum kalian setapak demi setapak dan sejengkal demi sejengkal, hingga kalaupun mereka masuk ke lubang biawak kalian pasti akan mengikutinya." Para sahabat bertanya: "Ya Rasulullah, jejak orang-orang Yahudi dan Nasrani?" Beliau menjawab: "Siapa lagi kalau bukan mereka."

24

(Riwayat Muslim).

Di samping itu, mimbar Jumaat ingin mengingatkan tanggungjawab memelihara agama melibatkan semua umat Islam tanpa terkecuali. Namun, ia perlu diuruskan dengan bijaksana dan berhikmah. Begitu juga, tanggungjawab ini memerlukan kepada pelbagai pendekatan dakwah moden dan semasa bagi menyeru umat kembali kepada agama secara menyeluruh. Ini dapat dilihat, melalui kerjasama pelbagai pihak dalam usaha memberi pemahaman dan kesedaran kepada sesuatu isu dan persoalan dalam agama yang dibangkitkan dalam masyarakat agar dapat diselesaikan secara tuntas dan efektif. Kadang-kala isu dilihat remeh namun memberi impak besar pada masyarakat begitu juga sebaliknya. Sebagai umat yang cintakan agama, kita perlu berusaha memperbaiki pendekatan dakwah dan hubungan sesama manusia agar agama Islam dicintai, dijunjung dan dipelihara sepanjang zaman.

25



Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita. Antaranya ialah:

1. Tanggungjawab memelihara agama merupakan suatu kewajipan atau tugas seseorang Muslim untuk menjaga, memahami, dan mengamalkan ajaran agamanya.
2. Umat Islam hendaklah memelihara agama Islam daripada sebarang ancaman dan tekanan.
3. Allah memerintahkan agar kita saling mengajak kepada melakukan perkara-perkara yang makruf dan saling mencegah daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar.

26

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا أَلْسُبُلَ فَتَفَرَّقَ
بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
153

27

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa."

28

(Surah al-An'am : 153).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

29

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

30



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ ٰتِقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
8	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَبِا قَاضِي الْحَاجَاتِ。
9	اللّٰهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيرِكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَابِتَكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحْفَظِ وَقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	10
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	11
<p>اللّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَىَّةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،</p>	12
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْتَكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ. اللّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَ هُمَّا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِّ وَالرَّشَادِ.</p>	13
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah,</p>	14
<p>penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	15



<p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمٌ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهُدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، أَنَّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَلَّا هُوَ الصَّمَدُ، أَلَّا ذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.</p>	16
<p>اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْرَاجَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فِلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.</p>	17
<p>اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَاجَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فِلَسْطِينِ. 2X</p>	18
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin.</p>	19
<p>Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Blnalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.</p>	20



<p>اللَّهُمَّ إِنَا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَأِطْ عَلَيْهِمْ كُلُّاً مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ.</p>	21
<p>اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِي السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ، إِهْزِمْهُمْ، وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.</p>	22
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادَةِ وَالْمِحَنَّ، بِلْطِفَّاكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِإِلَإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	23
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	24
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾</p>	25
<p>فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	26